

17/11/1997

Jamuan malam untuk Chirac

LANGKAWI, Ahad - Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini meraikan Presiden Perancis, Jacques Chirac dalam satu majlis jamuan malam.

Sebelum itu, Chirac yang tiba di sini hari ini untuk lawatan kerja dua hari mengadakan perbincangan singkat selama 20 minit.

Hadir pada majlis itu ialah Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Penasihat Ekonomi Kerajaan Tun Daim Zainuddin, Menteri Besar Kedah Tan Sri Sanusi Junid dan Duta Perancis ke Malaysia, Eduoard Braine. Turut hadir ialah Presiden Petronas, Tan Sri Hassan Marican.

Dr Mahathir dan Chirac akan bermesyuarat pagi esok untuk membincangkan antaranya usaha mengadakan kawalan terhadap dagangan mata wang dan siasatan Amerika Syarikat ke atas pembabitan Malaysia dan Perancis dalam projek gas di Iran. - Bernama

(END)